



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MESTECC SEDIAKAN TIGA KEMUDAHAN UNTUK KAKITANGAN

Putrajaya, 11 November 2019 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) mengambil inisiatif menyediakan tiga kemudahan untuk lebih 600 kakitangan kementerian iaitu Sudut Kopi (Coffee Corner), Ruang Riadah (Distrik Prakarsa) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) bagi memberi keselesaan kepada kakitangan.

Ketiga-tiga kemudahan ini disediakan di bawah Inisiatif MESTECC 2019 Kuasai. Laksana. Ungguli untuk memacu kecemerlangan organisasi dan membolehkan konsep keseimbangan budaya kerja (*work-life balance*) diterapkan dalam kalangan kakitangan seterusnya mempertingkatkan produktiviti kakitangan Kerajaan.

Majlis pelancaran ketiga-tiga kemudahan ini disempurnakan oleh Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Yeo Bee Yin di Ibu Pejabat Kementerian semalam.

Coffee Corner yang terletak di Blok C5, Bangunan Ibu Pejabat MESTECC Putrajaya merupakan ruang santai yang berfungsi sebagai tempat perbincangan selain menjadi ruang menunggu kepada pengunjung dan tetamu kementerian.

Distrik Prakarsa pula merupakan ruang santai untuk warga kerja MESTECC melakukan aktiviti riadah iaitu senaman dan mengadakan perbincangan. Ruang santai ini juga berfungsi sebagai pusat kegiatan dan aktiviti Kelab MESTECC dan PUSPANITA untuk melaksanakan program berkaitan kebajikan warga MESTECC.

Kemudahan ini disediakan dalam tempoh enam bulan oleh dua kumpulan pegawai MESTECC iaitu De Crew dan Awesome menerusi 'Catalyst Programme' yang merupakan salah satu aktiviti di bawah *pillar* Kecemerlangan Organisasi, Inisiatif MESTECC 2019.

Program yang dimulakan pada tahun 2019 ini memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai MESTECC untuk mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan serta keupayaan mereka secara berprestasi tinggi bagi menyelesaikan tugas atau projek khas di Ibu Pejabat MESTECC.

Aktiviti yang boleh dilakukan di Distrik Prakarsa terbahagi kepada tiga konsep utama iaitu Sukan dan KECERDASAN (M-Fit), Kesenian dan Kebudayaan (M-Art & Culture) serta Kesejahteraan (M-Wellbeing).

Selain itu, MESTECC turut menyediakan TASKA untuk kemudahan kakitangannya menghantar dan menempatkan anak-anak mereka sepanjang waktu bekerja di premis mereka.

TASKA ini diselia oleh PUSPANITA MESTECC dan Bahagian Pentadbiran, MESTECC dan telah mula beroperasi pada Oktober 2019. TASKA yang menyediakan ruang penjagaan yang selesa untuk 57 orang kanak-kanak berusia antara 4 bulan hingga 4 tahun, dijangka dapat meringankan kos sara hidup warga kementerian dan masa mereka.

Selepas lebih setahun setengah diwujudkan, MESTECC berusaha mewujudkan suasana bekerja yang menyeronokkan dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti serta motivasi kakitangan kerajaan.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Rosyila binti Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Korporat,
MESTECC
No. Tel: 603-88858141

Dikeluarkan pada 11 Disember 2019, pukul 5.00 petang